



**MAJLIS DAERAH BACHOK  
BANDAR PELANCONGAN ISLAM  
16300 BACHOK  
KELANTAN**

Tel: 09-7787636

Faks: 09-7789533

## **PEMBERITAHUAN**

### **IKLAN TAWARAN PAJAKAN TANDAS AWAM DI PANTAI IRAMA BACHOK BANDAR PELANCONGAN ISLAM NO. 1, 2 DAN 3 TAHUN 2021**

Ruj. Fail : MDB 48/7/4/JLD.34

Tarikh : 15 Oktober 2020

1. Tawaran adalah dipelawa kepada orang perseorangan atau Syarikat yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) yang tinggal dalam Jajahan Bachok untuk memajak dan menguruskan Tandas Awam Pantai Irama Bachok Bandar Pelancongan Islam no. 1, 2 dan 3 untuk tempoh satu (1) tahun bermula 1hb. Januari 2021 hingga 31hb. Disember 2021. Kadar pajakan tahunan dihadkan tidak kurang daripada RM 3,300.00 setahun.
2. Setiap orang yang hendak memasuki tawaran dikehendaki menyimpan wang pertaruhan sebanyak RM500.00. Wang pertaruhan ini akan dikembalikan kepada penawar yang tidak berjaya manakala penawar yang berjaya tetapi enggan menerima/menolak tawaran, wang pertaruhan akan dijadikan hasil Majlis Daerah Bachok.
3. Tawaran hendaklah dibuat melalui Borang Tawaran Pajakan yang boleh didapati di Majlis Daerah Bachok Bandar Pelancongan Islam dengan harga sebanyak RM 20.00 (Ringgit Malaysia: Dua Puluh Sahaja) senaskhah. Borang tawaran yang telah disempurnakan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul beserta dengan resit Am Wang Pertaruhan. Sampul surat tawaran yang telah disempurnakan dan dimeterai hendaklah ditulisnya "**TAWARAN PAJAKAN TANDAS AWAM DI PANTAI IRAMA BACHOK NO. 1, 2 DAN 3 TAHUN 2021**" dan hendaklah diamatkan kepada:

**YANG DIPERTUA,  
MAJLIS DAERAH BACHOK,  
16300 BACHOK, KELANTAN.**

**Selewat-lewatnya jam 12.00 tengahari pada 25 November 2020 (Rabu)  
bersamaan 9 Rabiulakhir 1442H.**

4. Penawar yang berjaya dikehendaki menandatangani surat perjanjian dan menjelaskan bayaran deposit atas kadar tiga (3) bulan pajakan.

5. Bayaran pajakan hendaklah dijelaskan sebelum atau pada 7 haribulan tiap-tiap bulan. Jika pemajak gagal berbuat demikian dalam tempoh tersebut pajakan boleh dibatalkan tanpa sebarang notis.
  6. Bayaran Elektrik dan Air adalah tanggungjawab pemajak menjelaskannya termasuk bayaran deposit.
  7. Pemajak dikehendaki menjaga kebersihan tandas pada setiap masa hingga pihak majlis berpuas hati.
  8. Penawar yang berjaya boleh memungut bayaran hasil dengan kadar yang difikirkan munasabah oleh pihak majlis.
- 
9. Pemajak hendaklah memberi 30 hari notis jika hendak membatalkan pajakan. Pihak majlis tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran samada tinggi atau sebaliknya. Keputusan Majlis adalah muktamad dan sebarang rayuan tidak akan dilayan.

Sekian, terima kasih.

# RAJA BERDAULAT, RAKYAT MUAFAKAT, NEGERI BERKAT #  
# SEMOGA ALLAH MELINDUNGI TUANKU DUNIA DAN AKHIRAT #

Saya yang menjalankan amanah,

**MOHAMAD BIN JAAFAR**  
Setiausaha,  
**Majlis Daerah Bachok Bandar Pelancongan Islam.**  
b.p : Yang Dipertua

Majlis Daerah Bachok- Bandar Pelancongan Islam  
Kelantan

s.k

1. YABrs. Tuan Yang Dipertua,  
Majlis Daerah Bachok.
2. Semua Ahli Majlis Daerah Bachok-BPI.
3. MDB : 48/7/4/JLD.34  
Tarikh : 15 Oktober 2020